

ASPIRASI FPP

FAKULTI PENGURUSAN DAN PERNIAGAAN, UiTM NEGERI SEMBILAN, KAMPUS SEREMBAN

ISSN 2735-0525

EDISI 1, 2023



HIJABS BY HANAMI

Jenama Tudung
Muslimah di Malaysia

TikTok dan
Perniagaan Anda

PENGURUSAN
EMOSI DIRI

Tanaman
Hidroponik Jana
Pendapatan
Lumayan

PayPal:
Cepat, Mudah dan Selamat

TEKNOLOGI

IMPAK TREN TEKNOLOGI TERHADAP KEHIDUPAN DAN KERJAYA

Tengku Sharifeleani Ratul Maknu Tengku Sulaiman, Norhaniza Md Akhir &
Zaidatulhusna binti Mohd Isnani

Tren teknologi yang membentuk perniagaan

TREN berubah mengikut zaman dan pada masa sekarang setiap individu dan juga perniagaan perlu berubah supaya boleh mengadaptasi dengan teknologi terkini yang sememangnya sudah tersedia. Setiap perniagaan perlu berubah menggunakan teknologi yang bersesuaian dengan industri masing-masing supaya menjadi lebih efisien dan baik serta membolehkan perniagaan berkembang lebih pesat. Jika perniagaan tidak menggunakan teknologi mengikut keperluan yang diperlukan dalam industri perniagaan, ia akan mengalami atau berdepan dengan kegagalan atau pengecilan pasaran dan akhirnya tidak mampu bersaing dalam industri yang diceburi.

Setiap perniagaan perlu tahu inovasi teknologi yang terlibat dalam industri masing-masing. Selain untuk berada dalam pasaran lebih lama dan meningkatkan produktiviti ia juga perlu memastikan kepuasan hati pelanggan dengan apa yang ditawarkan.



Merujuk kepada Technology Adoption terdapat 5 fasa dalam mengadaptasi atau penerimaan dalam penggunaan teknologi baru. Bermula dengan innovators ia dikenali sebagai golongan yang paling awal mencuba dan menggunakan teknologi yang diperkenalkan dalam pasaran. Mereka amat teruja dan tidak sabar dengan teknologi baru yang diperkenalkan disamping tidak teragak-agak untuk mengambil risiko.

Innovators mempunyai tahap keyakinan yang tinggi dan golongan ini mempunyai maklumat yang cukup dan berani mencuba teknologi terkini. Diperingkat ini tidak ramai mahu mencuba kerana masih menunggu maklumbalas atau masih ingin melihat keberkesanan teknologi yang diperkenalkan. Selalunya jumlah innovators adalah amat kecil iaitu 2.5 peratus. Golongan ini selalunya lebih rapat dengan pencipta teknologi yang diperkenalkan.

Early Adopters adalah golongan yang kedua menggunakan teknologi yang diperkenalkan. Mereka masih dikira sebagai kumpulan awal menggunakan teknologi yang diperkenalkan. Selalunya golongan ini terdiri daripada 13.5 peratus. Mereka ini adalah influencer kepada yang lain. Jumlah pengguna semakin meningkat kerana pengguna mula mengiktiraf teknologi yang diperkenalkan dan mendapati ianya memberi impak yang positif.

Peringkat ketiga menunjukkan lingkungan 34 peratus pengguna akan mula mencuba dan menggunakan teknologi yang diperkenalkan. Golongan ini dikenali sebagai Early Majority. Mereka mula mengumpul maklumat dan melihat maklumbalas dari golongan terdahulu.

Late Majority pula adalah 34 peratus lagi golongan yang mula mengadaptasi atau menggunakan teknologi yang diperkenalkan. Golongan ini selalunya merujuk kepada perbualan rakan-rakan atau words of mouth berbanding dengan iklan yang dibuat. Golongan ini lebih scepticism.

Golongan terakhir yang menerima kewujudan teknologi ini dikenali sebagai laggards dimana golongan 16 peratus ini hanya menggunakan teknologi yang diperkenalkan di akhir waktu di mana ketika mereka menggunakan teknologi ini terdapat teknologi yang lebih baru diperkenalkan dipasaran.

Top 5 Tren Teknologi Yang Mempengaruhi Kehidupan Perniagaan Di Tahun 2023

Untuk memberi kita gambaran tentang cara perintis dalam teknologi akan membentuk kehidupan kita, kajian dari Emeritus Institute of Management (2023) menawarkan ramalan menyeluruh tentang semua aliran teknologi yang semakin matang yang akan membuahkan hasil pada tahun 2023. Daripada tenaga kerja hiper-automatik kepada induksi metaverse, ini adalah senarai lengkap. Mari kita lihat top 5 tren teknologi berikut:

1. Penggunaan AI Kod Rendah atau Tanpa Kod

Pada tahun 2023, Kecerdasan Buatan (AI) akan meninggalkan jargon teknikalnya untuk menerima antara muka seret dan lepas (drag-and-drop interfaces) yang mudah, seterusnya menghasilkan AI tanpa kod. Ini bermaksud semua orang boleh menggunakan komputer sekarang tanpa perlu memahami pengaturcaraan latar belakang sistem pengendalian. Begitu juga, operasi dan penyelesaian AI akan menjadi lebih berfungsi tanpa pengkod perlu menulis satu baris kod pun. Penerimaan yang semakin meningkat dalam kalangan orang awam hanya akan membolehkan lebih banyak industri memanfaatkan sepenuhnya kuasa kecerdasan berasaskan AI dan mencipta produk yang lebih pintar. AI tanpa kod telah diperluaskan penggunaannya dalam pasaran dengan antara muka (interfaces) mesra penggunaannya dalam pelbagai domain seperti pembangunan runcit dan laman web.

2. Interaksi Terpilih seperti ChatGPT

Salah satu trend akan datang yang paling sensasi dalam industri teknologi ialah ChatGPT. Ia telah mencetuskan satu fenomena dalam dunia chatbot automatik dengan teknologi GPT3 yang lancar model bahasa autoregresif yang memberikan 'keupayaan seperti manusia' AI untuk memahami dan menghasilkan teks. Tambahan pula, dengan bantuan pembelajaran mendalam, ChatGPT boleh menjana imej daripada gesaan teks, menyelesaikan persamaan matematik, dan menyampaikan pelbagai tugas menulis daripada mencari tajuk video yang bijak kepada menulis puisi.

Penciptanya, OpenAI, mendakwa bahawa algoritma ChatGPT dilatih untuk menjawab soalan susulan, memahami kesilapannya berdasarkan maklum balas dan mencabar andaian yang salah. Secara ringkasnya, ChatGPT adalah satu laman yang membantu pengguna untuk menjawab sebarang soalan dalam masa yang singkat dan memberikan maklumat yang tepat berdasarkan maklumat yang terdapat secara atas talian.

3. Pemasaran dalam Metaverse

Analisis Bloomberg (2021) menyatakan bahawa pasaran metaverse akan mencapai USD800 bilion menjelang 2024 amat mengejutkan. Metaverse ialah simulasi maya 3D di mana individu boleh berinteraksi antara satu sama lain melalui berbilang platform. Dalam era Internet 3.0, pengiklan akan menyedari kemungkinan pemasaran yang tidak berkesudahan dari pengalaman mendalam ini, menjadikannya sarang kesedaran dan penglibatan jenama. Jenama seperti Nikeland sudah pun menjejaki pilihan dan corak penggunaan di kedai metaverse mereka dengan pelbagai jenis pengalaman dikuasakan AI dan Realiti Maya-(VR-). Yang lain juga sedang berusaha untuk mengembangkan pengalaman pengguna dengan menyambungkan kedai fizikal mereka ke metaverse melalui kod QR.

4. Sistem Imun Secara Digital

Senarai tren teknologi 2023 tidak lengkap tanpa pengenalan Sistem Imun Digital (DIS). Sistem ini merujuk kepada keseluruhan seni bina amalan yang dipinjam daripada reka bentuk perisian, automasi, pembangunan, operasi dan analitik. Ia bertujuan untuk mengurangkan risiko perniagaan dengan meneutralkan kecacatan, ancaman dan kelemahan sistem untuk meningkatkan pengalaman pelanggan secara keseluruhan. Kepentingan DIS terletak pada mengautomasikan elemen sistem perisian yang berbeza supaya ia berjaya menangkis semua jenis ancaman maya. Gartner meramalkan bahawa menjelang 2025, syarikat yang sudah menggunakan DIS akan mengurangkan masa henti (downtime) pelanggan sebanyak kira-kira 80%.

5. Hiper-Automasi

Laporan PRNewsWite (2021) menganggarkan bahagian pasaran automasi hiper berkembang kepada USD26.5 bilion menjelang 2028, manakala laporan Salesforce meramalkan sekurang-kurangnya 80% organisasi di seluruh dunia akan bergerak ke arah automasi hiper untuk mengoptimumkan produktiviti dan meningkatkan kepuasan pelanggan. Automasi hiper ialah gabungan penting semua alat inovasi terkini seperti:

1. AI tanpa kod
2. Platform pengurusan perniagaan dan aliran kerja automatik
3. Platform integrasi
4. Pemrosesan dokumen pintar
5. Pemrosesan bahasa semula jadi
6. Automasi proses robotik
7. Alat pemetaan proses

Kesimpulannya, setiap pengguna perlu bijak dalam memilih platform perkhidmatan penghantaran wang yang betul dan tepat bagi menjamin keselamatan transaksi atas talian. Di samping memilih penyedia penghantaran wang yang tepat sama ada untuk tujuan peribadi atau profesional pengguna disarankan untuk memastikan kaedah yang digunakan adalah pada kadar yang berpatutan agar perkhidmatan tersebut berbaloi untuk digunakan.




KEPENTINGAN/KEBAIKAN MENGADAPTASI TEKNOLOGI DALAM PERNIAGAAN

Era globalisasi kini, cabaran tren perniagaan dunia lebih mencabar dengan berlakunya pemesatan didalam perubahan teknologi yang semakin maju dan kehadapan. Terutamanya perniagaan terbesar kini perlu mengikuti perubahan drastik bagi mengukuhkan kedudukan perniagaan pada peringkat yang paling atas dalam saingan pasaran dan sentiasa perlu dikemaskini pada setiap perubahan trend terkini termasuklah dari segi teknologi pemasaran, pengedaran barangan jualan dan cara pembayaran atas talian yang menjadi pilihan pelanggan masa kini.

Menurut Influencer Marketing Hub, orang ramai lebih banyak terlibat di TikTok berbanding dengan semua platform media sosial yang lain. Penglibatan yang lebih tinggi berkadar langsung dengan peningkatan jangkauan jenama anda. Jadi, apa sebenarnya yang menghalang anda mempromosikan jenama anda di TikTok jika anda sudah melakukannya di Snapchat dan Twitter?

Walaupun bagaimanapun, penerimaan teknologi dalam perniagaan juga merujuk kepada persediaan pelanggan terhadap penggunaan teknologi terbaharu sebagai suatu elemen inovasi yang memberi pelbagai kebaikan kepada pengguna dan pelanggan. Setiap organisasi berbeza mengikut kepada tujuan dan pemahaman perniagaan itu ditubuhkan serta bertindakbalas terhadap inovasi produk dan proses perniagaan yang dijalankan. Kebanyakan perniaga menjadi sangat bersemangat dan teruja untuk menerima teknologi baharu didalam pasaran perniagaan mereka terutamanya bagi mengekalkan peluang yang lebih baik dalam pasaran seiring dengan kehendak pelanggan generasi baru. Kitaran hayat penggunaan teknologi memberi isyarat bahawa perubahan terhadap produk termasuklah jenis produk yang dihasilkan, strategi pemasaran dan platform agihan perlu seiring dengan kehendak pasaran yang mula kearah digitalisasi dan berteknologi tinggi.

Penggunaan teknologi baharu kini lebih fokus kepada teknologi seperti proses penghantaran produk/ barangan yang lebih pantas serta penjimatan kos terhadap pelanggan dalam meningkatkan kepuasan yang maksimum dapat dicapai. Ianya menjadi lebih diminati terutamanya ketika zaman pandemik COVID-19 yang memaksa semua perniaga membuat perubahan yang drastik terhadap strategi perniagaan mereka.



Perniagaan Kecil Sederhana dan Teknologi Terkini Perniagaan

Bagi sesetengah usahawan kecil dan sederhana, mereka mempunyai pandangan yang beza terhadap tren teknologi. Mereka beranggapan “mahal” dan melibatkan kos yang tinggi bagi mencapai sesuatu teknologi atau melabur dalam penciptaan inovasi baru sebagai salah satu sebab mengapa banyak perniagaan memilih hanya menggunakan strategi perniagaan secara tradisional. Ia benar bahawa sesetengah teknologi memerlukan perbelanjaan yang besar, akan tetapi terdapat juga inovasi lain yang boleh dijadikan sebagai permulaan pelaburan peniaga-peniaga kecil yang memberikan hasil yang kepada pertumbuhan yang positif dan menguntungkan.

Penggunaan teknologi umpama batu loncatan bagi peniaga-peniaga kecil untuk mampu bersaing dan seiring dengan syarikat-syarikat besar dipasaran. Penggunaan teknologi mudah alih seperti aplikasi boleh membawa lebih banyak keuntungan dalam tempoh yang singkat. Terdapat beberapa kepentingan dan peranan mengapa perniagaan, besar dan kecil, harus mula mengorak langkah menggunakan teknologi baharu dalam perniagaan mereka.

Kebaikan Teknologi Baru dalam Perniagaan Kecil dan Sederhana

Tidak kira saiz perniagaan, teknologi merupakan suatu faktor kejayaan yang boleh membawa manfaat kepada syarikat serta menguntungkan. Antara sebab yang paling penting mengapa perniagaan kecil mahupun besar perlu melabur dalam teknologi baharu adalah bagi menjadikan perniagaan mereka berjaya dalam dunia moden ini.



1. Komunikasi Yang Cepak Dengan Pelanggan

Komunikasi antara syarikat dan pengguna adalah tunggak untuk setiap perniagaan serta paling menguntungkan. Suatu ketika dahulu, perniagaan hanya perlu menggunakan telefon dan email untuk membalas setiap pertanyaan pelanggan mereka yang tidak dapat hadir secara fizikal ke premis perniagaan. Proses ini mengambil masa beberapa hari sebelum setiap pertanyaan berjaya mendapat respon. Akan tetapi, perubahan semakin drastik pada masa kini, di mana komunikasi akan terjalin serta-merta melalui sosial media dan aplikasi 'messaging' serta email. Dengan perubahan industri telefon pintar, semua ini boleh dilakukan dan sekaligus menamatkan operasi pengeposan surat/dokumen yang agak perlahan dan kurang selamat. Panggilan telefon masih kekal digunakan, tetapi dengan keunikan sistem telefon pintar setiap pelanggan dan syarikat perniagaan boleh berinteraksi dan berkomunikasi dengan baik dengan hanya menggunakan panggilan video call yang sekaligus menawarkan penglibatan kedua-dua belah pihak dalam menyelesaikan pelbagai permasalahan dan pertanyaan berkenaan dengan produk atau perkhidmatan yang disediakan.

2. Teknologi dapat memperkasakan Aliran Kerja

Kini, segala-galanya termasuklah kehidupan manusia menjadi lebih pantas. Begitu juga perubahan pada Model Perniagaan. Perniagaan yang tidak dapat menggunakan teknologi yang terkini dalam operasi perniagaan mereka akan menghadapi masalah untuk berdaya saing dengan perniagaan lain yang lebih terbuka dengan teknologi baru. Dalam proses kerja juga melibatkan keperluan teknologi yang tinggi bagi menjamin efisien dan efektif proses dapat dicapai dan berhasil. Oleh itu, mengadaptasi teknologi terhadap proses kerja adalah jalan yang terbaik bagi meningkatkan mutu kerja dan menjimatkan kos perniagaan dan masa.

Penggunaan teknologi umpama batu loncatan bagi peniaga-peniaga kecil untuk mampu bersaing dan seiring dengan syarikat-syarikat besar dipasaran. Penggunaan teknologi mudah alih seperti aplikasi boleh membawa lebih banyak keuntungan dalam tempoh yang singkat. Terdapat beberapa kepentingan dan peranan mengapa perniagaan, besar dan kecil, harus mula mengorak langkah menggunakan teknologi baharu dalam perniagaan mereka.

3. Teknologi sebagai Perlindungan Aset Perniagaan yang Tinggi Nilainya

Terdapat pelbagai teknologi yang digunakan oleh perniagaan pada masa kini yang dapat melindungi aset perniagaan mereka. Memandangkan aset boleh dikategorikan dalam pelbagai bentuk samaada digital atau fizikal, perniagaan yang berjaya adalah apabila mereka melabur untuk kedua-dua keselamatan tersebut. Yang mana data digital disimpan dalam rangkaian syarikat dari terdedah kepada serangan penggadam. Ini kebiasaannya menyebabkan perisian antivirus canggih, perisian penyulitan (encryption software), pembelajaran mesin dan Artificial Intellegent (AI) terus dibangunkan untuk menghentikan jenayah siber daripada mencuri atau memusnahkan harta intelek syarikat. Begitu juga aset fizikal termasuklah pengisian aplikasi dan peranti baharu serta pelayar (server). Pelaburan ini boleh diperolehi dalam bilik berkunci (biometrics-locked room) yang menggunakan biometrik scanner yang juga boleh dipantau melalui kamera CCTV dan penggera berdefinisi tinggi.

Kesimpulannya, bagi setiap usahawan yang menginginkan syarikatnya terus maju dan berjaya dalam perniagaan serta seiring dengan syarikat besar, pelaburan yang tinggi terhadap penggunaan teknologi baharu adalah suatu perkara yang wajib terutamanya dalam meningkatkan fleksibiliti dan keuntungan syarikat, menyelaraskan operasi, membantu menghadapi perubahan dalam pasaran serta relevan di mata pengguna.